

Projek loji janakuasa Johor diperhati lepas keluarga diraja mengepak kuasa, kenyataan kronisme Yeoh
Malaysian Insider
Jun 16, 2014

Projek kontroversi loji janakuasa Johor diperhatikan secara rapat selepas ahli perniagaan Tan Sri Francis Yeoh (gambar bawah) mengeluarkan kenyataan tentang kronisme dan kebimbangan tentang perundangan yang akan memberikan Sultan Johor kuasa eksekutif di negeri itu, kata sumber.

YTL Power International Bhd milik Yeoh, SIPP Tenaga Sdn Bhd milik keluarga Diraja Johor dan pembekal elektrik negara Tenaga Nasional Bhd dianugerahkan projek Track 4A, kitaran gas gabungan yang boleh menjana sehingga 1,400 megawatt (MW) tenaga melalui rundingan terus.

Terdapat dakwaan mesyuarat rahsia diadakan di London yang dihadiri oleh pegawai daripada konsortium dan menteri kanan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Terdapat juga cakap-cakap tentang penglibatan ahli keluarga Najib dalam mempromosikan IPP baharu atau pengeluar tenaga bebas.

Tetapi hanya beberapa hari lalu media mula mendedahkan bagaimana projek tersebut diberikan. Pada masa sama, anggota Suruhanjaya Tenaga mempertahankan pemberian projek loji janakuasa Track 4A melalui rundingan terus dan bukannya melalui tender terbuka.

Perkembangan baru ini disebabkan oleh komen Francis Yeoh yang mengatakan Malaysia harus menghapuskan kapitalisme kroni dan mengambil kesempatan kepada kepelbagaian kaum untuk meningkatkan pencapaian ekonomi dan bersaing secara global.

Dalam majlis Bual Bicara Global Siri Malaysia kali ketujuh anjuran Pemandu, ahli perniagaan itu dilaporkan berkata, 85% daripada perniagaan YTL adalah di Britain, Singapura dan Australia kerana negara-negara itu tidak betoleransi kepada rasuah, mengamalkan meritokrasi dan mempertahankan undang-undang.

"Sebagai contoh di Singapura, kami memiliki satu pertiga daripada elektrik Singapura; tiada apa-apa jenis subsidi, tiada apa-apa jenis kronisme.

"Yang terbaik tentang tiga negara ini, saya tidak perlu tunduk kepada perdana menteri sebelum saya cuba mendapatkan projek, saya juga tidak perlu berjumpa mereka, walaupun selepas mendapat sesuatu projek," beliau dilaporkan berkata sedemikian.

Yeoh kemudiannya menjelaskan kenyataan beliau disalah tafsir dan kemudiannya memohon maaf tetapi terlambat kerana sudah diserang menerusi media, ahli politik Umno dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Projek janakuasa tenaga pertama YTL diterima semasa pentadbiran Dr Mahathir.

Pada masa sama, ada kebimbangan mengenai pemerintah Johor, Sultan Ibrahim yang menjadi perhatian media minggu lalu berhubung peranannya dalam lembaga perumahan dan hartanah hingga ada yang menyatakan akan wujud pembabitan istana dalam keputusan kerajaan. Pindaan saat akhir terhadap enakmen itu menghadkan peranan Sultan tetapi peraturan baru itu masih belum ditandatangani.

Tetapi sumber Barisan Nasional (BN) berkata, Putrajaya sedang cuba mempengaruhi pemerintah negeri untuk mencari rakan lain bagi projek itu berikutan bantahan daripada kesatuan pekerja TNB terhadap pembabitan YTL dalam perjanjian Track 4A itu.

Consortium SIPP-YTL pada awalnya membida untuk Projek 3B bernilai RM11 bilion untuk membina loji janakuasa arang batu 2,000 megawatt (mw) dengan pesaing terdekatnya ialah 1Malaysia Development Bhd (1MDB) milik kerajaan.

The Malaysian Insider difahamkan konsortium itu sangat marah apabila tewas kepada 1MDB untuk mendapatkan projek janakuasa lebih besar dan membiarkan Najib dan ahli Suruhanjaya Tenaga tahu mereka tidak gembira dengan keputusan berkenaan.

Tidak dapat dipastikan jika kerajaan menganugerahkan Projek 4A di Johor itu untuk melegakan mereka yang ada hubungan rapat dengan konsortium Sultan Johor-YTL berkenaan.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili pada awal bulan ini berkata, Putrajaya mempertimbang semua pilihan sebelum memberikan projek itu kepada konsortium SIPP-YTL-TNB.

"Semua mengikut seperti ditetapkan. Kabinet mempertimbangkan semua aspek sebelum mengambil keputusan ini bagi mempercepatkan pembinaan loji berkuasa 1,000 MW – 1,400 MW itu.

"Semua terma sedang diputuskan oleh Suruhanjaya Tenaga," katanya, menambah ada syarat untuk bahagian Kejuruteraan, Pemerolehan dan Pembinaan (EPC) dalam projek itu yang melalui proses bidaan kompetitif.

Tetapi kini tekanan diberikan kepada YTL untuk keluar daripada consortium berkenaan untuk membuktikan tiada kapitalisme kroni di Malaysia di sebalik tekanan bagi bidaan terbuka untuk keseluruhan projek. – 16 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/projek-loji-janakuasa-johor-diperhati-lepas-keluarga-diraja-mengepak-kuasa>